

Mikrocip RM40j dipercayai dieksport ke luar negara

Oleh NURUL HUDA HASSAN

PULAU PINANG 21 Jun - Polis percaya sebahagian daripada mikrocip yang bernilai lebih RM40 juta yang dirompak dari Kompleks Kargo Udara Kedua di Batu Maung di sini dua tahun lalu telah dieksport ke luar negara.

Tanpa mendedahkan nama negara dan bagaimana mikrocip berkenaan dibawa keluar, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, pihaknya akan mendapatkan kerjasama daripada negara terbabit untuk tujuan siasatan.

"Kita juga telah mengenal pasti kumpulan yang melakukan rompakan tersebut dengan sebahagian daripada mereka telah ditangkap dan kini ditahan di bawah Langkah-langkah Pencegahan Jenayah.

"Setakat ini, kita tidak boleh mendakwa mereka di mahkamah disebabkan tiada bukti fizikal yang boleh dikaitkan kerana



sebahagian daripada mikrocip itu dipercayai telah dieksport," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2008 di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Dalam rompakan kira-kira pukul 2 pagi

Kita juga telah mengenal pasti kumpulan yang melakukan rompakan tersebut dengan sebahagian daripada mereka telah ditangkap dan kini ditahan di bawah Langkah-langkah Pencegahan Jenayah.

mm 22/6/08 m/s 17

- Musa Hassan

pada 20 November 2006, sekumpulan 20 lelaki termasuk empat orang yang berpakaian seragam Pasukan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) menyerang 17 pekerja Kompleks Kargo Udara dan melarikan 585 kotak dan 18 pelet mikrocip menggunakan dua lori kontena.

Ekoran itu, seramai 14 lelaki berusia di antara 30 hingga 40 tahun yang diberkas di beberapa lokasi di negara ini ditahan di Pusat Tahanan Ordinan Darurat di Simpang Renggam, Johor bagi membantu siasatan.

Mereka dipercayai sebahagian daripada sekumpulan 20 lelaki yang terlibat dalam

rompakan mikrocip itu dan masih ditahan polis memandangkan belum ada bukti kukuh untuk mendakwa mereka dalam kes berkenaan.

Sementara itu, ditanya mengenai dakwaan terdapat individu di negara ini yang menjadi dalang serangan bom di Colombo, Sabtu lalu, Musa berkata, beliau telah menghubungi rakan sejawatnya di Sri Lanka berhubung kes tersebut.

"Kita akan memberikan kerjasama dengan pihak berkuasa Sri Lanka tetapi pada masa ini saya tidak boleh beritahu mengenai perkembangan siasatan kes tersebut," ujarnya.